



KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

SIARAN AKHBAR

SESI SOSIALISASI :

PELUANG DAN KEPENTINGAN MELANCARKAN SKIM AKREDITASI GAS RUMAH HIJAU (GHG) ISO 14065 DI BRUNEI DARUSSALAM

Radisson Hotel, Bandar Seri Begawan

7-8^{hb} Februari 2023

-
1. Kementerian Kewangan dan Ekonomi melalui Pusat Standard Kebangsaan (PSK), dengan kerjasama dua hala dengan European Union Aviation Safety Agency (EASA) melalui inisiatif di bawah *EU-South East Asia Cooperation on Mitigating Climate Change impact from Civil Aviation for the Carbon Offsetting and Reduction Scheme for International Aviation (EU SEA CCCA CORSIA)*, telah mengadakan sesi sosialisasi *Opportunities and Advantages in Launching Greenhouse Gas (GHG) Accreditation Scheme of ISO 14065 in Brunei Darussalam* yang diadakan pada 7- 8hb Februari 2023 bertempat di Radisson Hotel, Bandar Seri Begawan.
 2. Sesi sosialisasi ini bertujuan untuk memperkenalkan kepentingan standard GHG seperti ISO 14064:2018 yang mana menetapkan keperluan bagi badan-badan yang melaksanakan pengesahan penyata maklumat alam sekitar dan ISO 14064:2018, iaitu standard untuk mengukur dan melaporkan pelepasan gas rumah hijau. Sesi ini juga menekankan kepentingan peranan akreditasi dalam menilai kecekapan dan kebolehpercayaan badan-badan penilaian konformiti dalam melaksanakan perkhidmatan pengesahan yang berkaitan dengan pelepasan gas rumah hijau. Daripada pemantauan pelepasan gas rumah hijau kepada ujian dan pemeriksaan barang elektrik efisien tenaga, kepada penjana tenaga solar, angin, gelombang dan nuklear, ianya adalah penting untuk memastikan ukuran yang tepat, pemeriksaan yang cekap, ujian yang boleh dipercayai dan tuntutan yang boleh disahkan. Akreditasi pula akan melaksanakan penilaian keatas badan-badan penilaian konformiti tersebut dalam memberikan perkhidmatan pengujian, pengukuran, pemeriksaan, pengesahan produk dan sistem yang diiktiraf sebagai asas dalam mendokong dasar kerajaan dan inisiatif yang berkaitan dengan pelepasan gas karbon.
 3. Sesi sosialisasi tersebut dirasmikan oleh Yang Mulia Awang Allen On, Pengarah Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan dan selaku Pemangku Pengarah Pusat Standard Kebangsaan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, yang mana di dalam ucapan alu-aluan beliau telah menyentuh tentang kepentingan penyediakan skim akreditasi standard kebangsaan yang kukuh dan diiktiraf diperingkat antarabangsa. Menyentuh mengenai latihan ISO 14065 yang pernah dilaksanakan oleh Pusat Standard Kebangsaan pada tahun

2018 dengan kerjasama Bureau Veritas Brunei dikampus Royal Brunei, usaha ini perlu diteruskan untuk mengukuhkan infrastuktur kualiti kebangsaan dengan usaha bersepadu bagi membangunkan standard dan skim akreditasi yang diiktiraf diperingkat antarabangsa yang bukan sahaja memenuhi keperluan pasaran tetapi juga komited dalam melindungi alam semulajadi dan alam sekitar di negara ini, selaras dengan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada ASEAN-EU Commemorative Summit pada bulan Disember 2022 yangmana memberikan tumpuan kepada cabaran semasa seperti perubahan iklim, kehilangan biodiversiti dan penebangan hutan yang telah menyumbang kepada corak cuaca ekstrem yang berterusan, pencemaran udara, dan kemerosotan alam sekitar.

4. Sesi tersebut telah dihadiri oleh 40 wakil yang terdiri daripada agensi-agensi kerajaan, pengendali kapal terbang negara dan badan-badan penilaian konformiti di negara ini, iaitu seperti Sekretariat Perubahan Iklim Brunei, Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Jabatan Perhutanan, Jabatan Penerbangan Awam, Jabatan Pengangkutan Darat, Syarikat Penerbangan Diraja Brunei dan dari pihak swasta seperti Bureau Veritas (B) Sdn Bhd dan lain-lain.